

Yuran 6 peratus kepada MMC-Gamuda wajar

MRT Corp, pemilik dan pengendali My Rapid Transit (MRT) Lembah Klang, menyifatkan yuran pengurusan sebanyak enam peratus yang akan diterima konsortium MMC Corporation Bhd dan Gamuda Bhd (MMC-Gamuda) sebagai rakan pelaksana projek (PDP) bagi projek itu adalah wajar.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Azhar Abdul Hamid, berkata yuran pengurusan yang bakal diterima konsortium terbabit tidak tinggi dan kadarnya adalah mengikut mengikuti standard global.

“MRT Corp membuat beberapa perbandingan dengan kontrak antarabangsa sebelum memutuskan yuran pengurusan itu,” katanya pada sidang media selepas melawat Balai Berita, di Kuala Lumpur, semalam.

Minggu lalu, MRT Corp melantik MMC-Gamuda sebagai PDP bagi membolehkan projek terbabit dilaksanakan secara cekap mengikut fasa yang ditetapkan tanpa memerlukan pembabitan kontraktor ‘turn-key’ yang biasanya menggunakan model reka bentuk dan bina.

Bagaimanapun Ketua Publisiti DAP, Tony Pua dipetik dalam sebuah portal berita mendakwa perjanjian PDP itu akan menyebabkan nilai tender bagi projek MRT Lembah Klang dari Sungai Buloh ke



MRT Corp membuat beberapa perbandingan dengan kontrak antarabangsa sebelum memutuskan yuran pengurusan itu

Azhar Abdul Hamid
Ketua Eksekuti MRT Corp

Kajang menjadi lebih tinggi.

Katanya, ini kerana MMC-Gamuda tetap akan menerima yuran pengurusan enam peratus walaupun kos akhir pembinaan MRT meningkat melebihi sasaran.

Azhar bagaimanapun menjelaskan, konsortium MMC-Gamuda tidak akan menerima nilai penuh

yuran pengurusan jika kos akhir projek MRT lebih daripada sasarannya.

“Konsortium itu memikul tugas berat untuk mencapai indeks prestasi utama (KPI) memandangkan mereka perlu memantau pelaksanaan 90 pakej pembinaan projek itu agar berjalan lancar mengikut kos

dan jadual yang ditetapkan.

“Ini kerana, jika kos akhir projek MRT kurang atau menyamai kos yang disasarkan, PDP berhak mendapatkan nilai penuh yuran pengurusan itu, tetapi jika ia lebih daripada disasarkan, yurannya akan dikurangkan mengikut formula yang dipersetujui,” katanya.

Beliau menyifatkan isu yang dibangkitkan Pua itu sebagai tidak berasas dan beliau tidak meneliti perkara berkenaan sebelum membuat kenyataan.

Sementara itu, Azhar berkata, MRT Corp setakat ini menerima lima tender daripada syarikat tempatan dan luar negara bagi kerja pembinaan terowong bawah tanah projek MRT itu yang dijangka akan dilaksanakan pada suku pertama tahun depan.

“Keputusan berhubung anugerah tender itu akan diumumkan kelak dengan pemenangnya akan memulakan kerja pembinaan tahun depan,” katanya.

Empat daripada tender itu diterima daripada syarikat asing, masing-masing dua dari China iaitu Sinohydro Group dan China Railway Corp, Taisei Corp (Jepun) dan Konsortium Gadang Holdings Bhd-Hyundai, manakala syarikat tempatan iaitu MMC-Gamuda.